

# LAWATAN ASISTEN KETUA STAF (AKS) KEJURUTERAAN KE PU GONG KEDAK

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3099-lawatan-asisten-ketua-staf-aks-kejuruteraan-ke-pu-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3099-lawatan-asisten-ketua-staf-aks-kejuruteraan-ke-pu-gong-kedak)

GONG KEDAK, 27 Feb 18 – Lawatan Kerja AKS Kejuruteraan, YBhg Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM ke Pangkalan Udara Gong Kedak telah disambut oleh Ketua Cawang Kejuruteraan, Lt Kol Nornizam bin Kamarudin TUDM. Lawatan Kerja AKS Kejuruteraan turut dihadiri PS 1 Aero, Lt Kol Hanable Sunday Anak Edward TUDM dan PS 2 Aero, Mej Faizul Erwan bin Puzi TUDM. Lawatan Kerja telah dijalankan selama 2 hari bermula 26 hingga 27 Feb 18.

Lawatan kerja ini merangkumi Cawang Kejuruteraan, No 11 Skuadron dan Skuadron 321. Pada hari pertama lawatan, satu sesi taklimat ringkas turut diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Service Teknikal, Cawang Kejuruteraan. Selain itu juga, YBhg AKS Kejuruteraan dibawa melihat ke ARM-TSV No 11 Skuadron, Terminal Peluru 4 dan ke Sekolah Sistem No 11 Skuadron untuk sesi Dialog bersama Jurulatih dan Pelatih Sekolah Sistem No 11 Skuadron.

Pada hari kedua lawatan, YBhg AKS Kejuruteraan mengadakan kunjungan hormat ke atas Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM di Markas Pangkalan. Selepas kunjungan diadakan sesi dialog AKS Kejuruteraan bersama Pegawai dan Anggota Kejuruteraan yang diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan dan seterusnya ke Skuadron 321.



